

**150 Koperasi Wujud Skim Ar-Rahnu, Catat Perolehan RM600 Juta
Bernama
17 Mac, 2014**

KUCHING, 17 Mac (Bernama) -- Sebanyak 150 koperasi telah mengadakan skim Ar-Rahnu iaitu program mikro kredit berasaskan pajak gadai Islam, sejak garis panduan aktiviti itu dikeluarkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), pada 1 Mac tahun lepas.

Pengerusi Eksekutif SKM, Datuk Nik Ali Mat Yunus berkata sejak pengenalan garis panduan itu, perolehan aktiviti Ar-Rahnu mencatat peningkatan kepada RM600 juta.

"SKM membiarkan koperasi menjalankan aktiviti Ar-Rahnu tanpa had kerana sistem pajak gadai Islam dilihat menjadi pilihan," katanya kepada pemberita selepas melawat Koperasi Koppes Sarawak Berhad, di Kuching, Isnin.

Nik Ali berkata koperasi kecil perlu mengambil peluang menjadikan skim Ar-Rahnu sebagai salah satu cabang perniagaan mereka.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1022632>